

02/12/1997

Usah beli barang keperluan harian berlebihan

KUALA LUMPUR, Isnin - Orang ramai dinasihatkan tidak mudah panik dengan membeli barangan keperluan harian berlebihan kerana tindakan itu boleh menyebabkan lebih permintaan terhadap barangan pengguna dalam negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk S Subramaniam, berkata tahap permintaan terhadap barangan pengguna dalam negara perlu sederhana bagi mengelak kekurangan bekalan dan seterusnya mendorong kepada kenaikan harga.

"Pengguna jangan panik sehingga ada yang beli minyak masak melebihi keperluan mingguan kerana tindakan itu mendorong kepada lebih permintaan," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman di antara Syarikat Dass Mohamad Chartwell, Brooke Hillier Parker Sdn Bhd dan Research Inc (Asia) Sdn Bhd, di sini hari ini.

Katanya, kerajaan memberi jaminan tidak akan menaikkan harga barangan kawalan dan mengawasi harga barangan pengguna supaya tidak berlaku peningkatan harga.

Menurutnya, harga barangan pengguna bukan kawalan mungkin akan naik jika bekalan berkurangan atau kos barangan import meningkat.

"Kalau ada sebab tertentu yang jelas untuk menaikkan barangan pengguna, kami akan menelitinya bagi menjamin bekalan mencukupi," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kementerian akan berusaha mengekalkan harga barangan pengguna memandangkan bekalan dalam negara mencukupi.

Sementara itu, Subramaniam berkata, langkah tertentu akan dilaksana bagi membendung kenaikan harga minyak masak di pasaran tempatan kerana kerajaan tidak membenarkannya.

Bagaimanapun, katanya, kementerian belum memutuskan tindakan yang bakal diambil terhadap pihak berkenaan berikutan minyak masak bukan barangan kawalan.

Menurutnya, pembekal minyak masak dinasihatkan supaya tidak menaikkan harga barangan itu kerana kegunaan dalam negara hanya membabitkan kira-kira lima peratus daripada jumlah pengeluaran keseluruhannya.

"Pihak terbabit mahu menaikkan harga minyak masak kerana urusan jual belinya menggunakan dolar Amerika Syarikat bukannya ringgit Malaysia, walaupun kos pengeluarannya tidak meningkat," katanya.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan peniaga yang menaikkan harga barangan ketika kegawatan ekonomi sebagai tidak patriotik yang sama taraf dengan mensabotaj ekonomi negara.

Dr Mahathir akan berbincang dengan Kabinet punca peniaga minyak masak berbuat demikian bagi mengambil tindakan lanjut.

(END)